

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1988/89

Mac/April 1989

RAE 441 Aspek-Aspek Sosial Dalam Rekabentuk Seni Bina

Masa : (3 jam)

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja dan tiap-tiap soalan mempunyai markah yang sama.

1. (a) Sirkulasi adalah penggerak kepada aktiviti di dalam bangunan. Bandingkan dan bincangkan aspek sirkulasi yang terdapat di antara bangunan ber-tingkat-tingkat dengan bangunan satu tingkat.

(b) Latar belakang sesuatu kaum boleh mempengaruhi sirkulasi di dalam rekabentuk perumahan. Beri contoh yang anda tahu dan nyatakan perbezaan perubahan sirkulasi di antara rumah tradisional dengan rumah terdapat di projek perumahan moden masa kini.

(25 markah)

2. Di dalam pembangunan rancangan Malaysia, Kerajaan telah menggariskan pembangunan rancangan perumahan kepadatan tinggi masih diteruskan di bandar-bandar besar. Apakah yang dimaksudkan dengan kepadatan tinggi?

Apakah pendapat anda tentang rancangan perumahan yang dinyatakan di atas.

Bincangkan kesan-kesan kepadatan tinggi terhadap penghuni-penghuni di bangunan tinggi.

(25 markah)

...2/-

3. Jelaskan 4 keadaan asas privasi yang dinyatakan oleh Westin. Dengan merujuk kepada satu jenis bangunan sebagai contoh jelaskan elemen privasi yang terdapat di ruang-ruang tersebut.
- (25 markah)
4. (a) Apalah yang dimaksudkan dengan 4 fasa ruang persendirian yang dinyatakan oleh Hall.
(b) Secara ringkas jelaskan apakah pengaruh-pengaruh yang menentukan saiz ruang persendirian.
- (25 markah)
5. Rekabentuk ruang awam boleh memupuk interaksi sosial. Bagaimanakah ruang awam boleh digunakan untuk tujuan tersebut. Berikan contoh untuk menjelaskan hujah-hujah anda.
- (25 markah)
6. Penempatan semula perumahan ke rancangan-rancangan baru menimbulkan banyak masalah kepada keluarga yang terlibat. Langkah tersebut boleh dikatakan terlalu 'drastik'.
Bincangkan isu-isu yang mungkin timbul daripada penyelesaian tersebut dengan contoh yang anda tahu.
Bagaimanakah anda dapat mengurangkan masalah daripada isu-isu yang dibincangkan jika penempatan semula masih tidak dapat dielak.
- (25 markah)

-oooOooo-